



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



TARIKH	20 MAC 2026 (JUMAAT)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	'TIADA PENGAYAAN URANIUM DI IRAN SEBELUM PERANG'		
M/S	29 (DUNIA)	KATA KUNCI	URANIUM, IRAN
BIDANG	NUCLEAR		



AS-ISRAEL SERANG IRAN

Imej satelit menunjukkan Loji Pengayaan Bahan Api Fordow Iran (FFEP) di Fordo sebelum diserang AS, Jun tahun lalu. (Foto AFP)

'Tiada pengayaan uranium di Iran sebelum perang'

Ketua Perisikan AS dedah dapatan, bertentangan alasan utama Trump lancar serangan

Washington: Pengarah Perisikan Kebangsaan Amerika Syarikat (AS), Tulsi Gabbard, berkata Iran tidak melakukan pengayaan uranium atau membina semula keupayaan nuklear susulan serangan AS-Israel, tahun lalu.

Pendedahan itu dilihat bertentangan sama sekali dengan alasan utama Presiden AS, Donald Trump untuk menyertai Israel melancarkan perang terbaru terhadap Iran pada 28 Februari lalu.

Trump dan pegawai tertingginya berulang kali menyebut cita-cita nuklear Iran sebagai antara sebab utama mereka meninggalkan rundingan diplomatik yang sedang berjalan dan beralih kepada tindakan ketenteraan.

Kenyataan Gabbard itu dibuat sehari selepas seorang pegawai kanan agensinya, iaitu Pengarah Pusat Anti Keganasan Nasional AS, Joe Kent, meletak jawatan sebagai bantahan terhadap perang dilancarkan Trump ke atas Iran.

Iran bukan ancaman segera

Dalam surat peletakan jawatannya, Kent berkata Iran 'tidak menimbulkan ancaman segera' kepada AS dan keputusan Trump untuk menyertai perang itu bertentangan dengan janji dasar 'America First' beliau.

Kent menjadi anggota berprofil tinggi pertama dalam pentadbiran Trump yang berundur susulan konflik berkenaan.

Gabbard, dalam keterangan bertulis kepada Jawatankuasa Perisikan Senat, berkata susulan Operasi 'Midnight Hammer', serangan AS pada Jun 2025 juga dikenali sebagai perang 12 hari ke atas kemudahan nuklear Iran, 'program pengayaan nuklear Iran telah dimusnahkan sepenuhnya'.

"Tiada usaha sejak itu untuk cuba membina semula keupayaan pengayaan uranium mereka," katanya dalam keterangan bertulis berkenaan.

Bagaimanapun, Gabbard tidak membacakan bahagian itu dalam keterangan lisan yang disiarkan secara langsung, tetapi teks ucapan penuh beliau diedarkan kepada media.

Ketika ditanya mengapa beliau mengabaikan bahagian itu, Gabbard hanya berkata, beliau tidak mempunyai masa mencukupi dan tidak menafikan penilaian berkenaan.

Trump berulang kali menyatakan bahawa serangan Jun 2025 antara Israel dan Iran, memusnahkan sepenuhnya keupayaan nuklear Iran.

Namun, beliau turut membeiri amaran bahawa cita-cita nuklear Iran yang didakwa itu akan sentiasa menjadi ancaman segera kepada AS.

Tehran sejak sekian lama menafikan ia berusaha membangunkan senjata nuklear.

Menteri Luar Oman, yang menjadi perantara rundingan tidak langsung nuklear AS-Iran sebelum perang, menolak dakwaan pegawai pentadbiran Trump bahawa serangan terbaru itu tidak menunjukkan sebarang kemajuan.

Akhbar *The Guardian* turut melaporkan minggu ini bahawa penasihat keselamatan negara United Kingdom (UK), Jonathan Powell, menghadiri sesi terakhir rundingan.

Penilaiannya turut mendapati Iran tidak melakukan pengayaan uranium atau membangunkan senjata nuklear dan tiada alasan munasabah untuk melancarkan perang terhadap negara itu.

AGENSI



Kerosakan bangunan di Tel Aviv susulan serangan peluru berpandu dilancarkan dari Iran. (Foto REUTERS)